Soalan Lazim Kempen		
No	**Soalan**	**Jawapan**
1	**Bilakah Tempoh Kempen bagi Kempen Guna JustGO & Menang Bersama Maybank?**	Kempen ini berlangsung dari 12 Oktober 2026 hingga 28 Februari 2027.
2	**Siapakah yang layak menyertai Kempen ini?**	• Warganegara Malaysia berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas. • Memiliki akaun JustGO yang aktif • Memiliki sekurang-kurangnya SATU (1) kenderaan yang berdaftar dalam aplikasi JustGO. • Memautkan Kad Kredit, Kad Debit, Kad Caj atau Kad MAE yang sah (fizikal atau *'virtual'*) sebagai kaedah pembayaran utama dalam aplikasi JustGO. **Nota Penting: Transaksi menggunakan MAE Wallet dan Akaun Semasa/Simpanan/-i Maybank yang dipautkan juga akan dikira sebagai transaksi yang layak bagi Kempen ini mulai tarikh kaedah pembayaran tersebut tersedia untuk digunakan.** **Tidak layak menyertai: Kakitangan Maybank, PLUS Malaysia Berhad dan JustGO.**
3	**Bagaimanakah saya boleh menyertai Kempen ini sebagai pengguna baharu JustGO?**	Untuk menyertai Kempen ini sebagai pengguna baharu JustGO: Langkah 1: Muat turun JustGO, daftar & sahkan akaun Langkah 2: Pautkan Kad Kredit, Kad Debit atau Kad Caj Maybank yang layak sebagai kaedah pembayaran utama dalam aplikasi JustGO. Langkah 3: Daftarkan nombor pendaftaran kenderaan anda. Langkah 4: Gunakan JustGO untuk membuat pembayaran tol di lebuh raya PLUS yang mengambil bahagian sepanjang Tempoh Kempen.

4	**Bagaimanakah saya boleh menyertai Kempen ini sebagai pengguna sedia ada JustGO?**	Jika anda sudah menjadi pengguna JustGO, hanya pautkan kaedah pembayaran Maybank pilihan anda ke aplikasi JustGO dan mula bertransaksi. Jika anda telah memautkan Kad Kredit, Kad Debit, Kad MAE, MAE Wallet atau Akaun Semasa/Simpanan/-i Maybank, anda hanya perlu meneruskan transaksi menggunakan kaedah pembayaran tersebut dalam aplikasi JustGO.
5	**Transaksi tol manakah yang layak untuk Kempen ini?**	Bayaran tol yang dibuat melalui JustGO menggunakan Kad Debit/Kredit, Kad Caj Maybank yang dipautkan (MAE Wallet dan Akaun Semasa/Simpanan/-i Maybank juga akan disertakan apabila kaedah pembayaran tersebut tersedia) di mana-mana daripada 93 plaza tol PLUS yang mengambil bahagian sepanjang Tempoh Kempen. Untuk senarai penuh plaza tol PLUS yang mengambil bahagian, sila rujuk **Lampiran** atau Terma dan Syarat Kempen.
6	**Bolehkah saya menyertai Kempen ini dengan lebih daripada satu kenderaan?**	Boleh. Kad/kaedah pembayaran Maybank yang sama boleh dipautkan kepada beberapa akaun JustGO, Anda boleh mendaftarkan sehingga sepuluh (10) kenderaan di bawah satu (1) akaun JustGO. Namun, setiap kenderaan hanya boleh didaftarkan di bawah satu (1) akaun JustGO pada satu-satu masa.
7	**Jika saya menggunakan kereta ahli keluarga tetapi akaun JustGO dan Kad Maybank yang dipautkan adalah milik saya, siapakah yang akan menerima hadiah?**	Hadiah akan diberikan kepada pemilik Kad Kredit/Debit/Caj Maybank, Kad MAE, MAE Wallet atau Akaun Semasa/Simpanan/-i Maybank yang dipautkan dan digunakan untuk transaksi tol yang layak, tertakluk kepada pengesahan dan Terma & Syarat Kempen.
8	**Adakah hadiah diberikan kepada pemegang akaun JustGO atau pemegang**	Hadiah akan diberikan kepada pemegang kaedah pembayaran Maybank yang telah memautkan kaedah pembayaran tersebut ke akaun JustGO yang

	kaedah pembayaran Maybank?	digunakan untuk perbelanjaan tol yang layak, tertakluk kepada pengesahan dan pematuhan kepada Terma & Syarat Kempen.
9	**Bagaimana jika saya mempunyai lebih daripada satu kaedah pembayaran Maybank yang dipautkan kepada JustGO? Bagaimanakah penyertaan dan jumlah perbelanjaan saya dikira sepanjang Tempoh Kempen?**	Penyertaan dan jumlah perbelanjaan dikira berdasarkan pemilik kaedah pembayaran Maybank, bukan berdasarkan kad atau akaun individu. Oleh itu, walaupun anda bertukar antara kaedah pembayaran Maybank dalam JustGO, semua perbelanjaan tol yang layak akan digabungkan dan direkodkan di bawah ONE (1) pengguna bagi tujuan penyertaan dan pengiraan jumlah perbelanjaan, tertakluk kepada pengesahan serta Terma & Syarat Kempen.
10	**Di manakah saya boleh menyemak Terma & Syarat Kempen yang lengkap?**	Terma dan Syarat penuh Kempen boleh didapati di maybank.my/justgo.
Soalan Lazim Hadiah & Pemenang		
11	**Apakah hadiah yang ditawarkan dalam Kempen ini?**	Hadiah Utama: 3 pemenang × Proton X50 1.5 Flagship Hadiah Mingguan: 2,000 pemenang x e-Baucar PETRONAS bernilai RM200
12	**Bagaimanakah pemenang Hadiah Mingguan dipilih?**	100 peserta dengan perbelanjaan tol layak tertinggi setiap minggu (minimum RM10) akan memenangi e-Baucar PETRONAS bernilai RM200. Sebanyak 2,000 pemenang akan dipilih sepanjang 20 minggu Kempen.

<table>
<tr>
<td>13</td>
<td>Bagaimanakah pemenang Hadiah Utama dipilih?</td>
<td>TIGA (3) pemenang Hadiah Utama akan dipilih melalui cabutan rawak yang dijalankan menggunakan sistem rawak yang diluluskan dan boleh diaudit, daripada semua penyertaan layak yang terkumpul sepanjang Tempoh Kempen.

Setiap RM10 yang dibelanjakan untuk transaksi tol yang layak sepanjang Tempoh Kempen akan memperoleh SATU (1) penyertaan ke dalam cabutan Hadiah Utama. Contoh pengiraan adalah seperti ilustrasi di bawah:

<table>
<tr><th colspan="2">Contoh</th></tr>
<tr><th>Jumlah Perbelanjaan Tol Yang Layak Sepanjang Tempoh Kempen
RM15</th><th>Jumlah Penyertaan yang Diperoleh
1</th></tr>
<tr><td>RM148</td><td>14</td></tr>
<tr><td>RM1,234</td><td>123</td></tr>
</table>
</td>
</tr>
<tr>
<td>14</td>
<td>Bolehkah saya memenangi kedua-dua Hadiah Mingguan dan Hadiah Utama?</td>
<td>Ya. Peserta boleh memenangi satu (1) Hadiah Mingguan dan/atau satu (1) Hadiah Utama. Pemenang Hadiah Mingguan masih layak menyertai cabutan Hadiah Utama.
Jadi, jika anda telah memenangi Hadiah Mingguan, teruskan bertransaksi untuk berpeluang memenangi Proton X50 yang serba baharu!</td>
</tr>
<tr>
<td>15</td>
<td>Bagaimanakah saya akan mengetahui jika saya menang?</td>
<td>Hadiah Mingguan: Nama pemenang akan diumumkan setiap bulan bermula Disember 2026 di laman Facebook rasmi JustGO dan Maybank. Pautan ringkas ke senarai pemenang di laman web Maybank2u akan turut disertakan dalam hantaran media sosial.

Hadiah Utama: Pemenang akan dihubungi oleh Khidmat Pelanggan Maybank melalui maklumat perhubungan yang berdaftar dengan Maybank dalam tempoh 120 hari bekerja selepas Kempen tamat.</td>
</tr>
</table>

16	**Bagaimanakah dan bilakah saya akan menerima hadiah saya?**	Hadiah Mingguan: URL e-Baucar akan dihantar oleh JustGO (noreply@justgo.my) ke alamat e-mel yang berdaftar dengan Maybank, bermula dari November 2026 dan dihantar setiap minggu. Sekiranya nama anda tersenarai sebagai pemenang tetapi tidak menerima e-mel tersebut, sila semak folder Spam/Junk anda. Hadiah Utama: Pemenang akan menerima hadiah mereka semasa majlis penyampaian hadiah pada suku pertama (Q1) tahun 2027 selepas Kempen tamat.
17	**Bilakah tarikh luput e-Baucar PETRONAS?**	Tarikh luput akan dinyatakan dalam URL baucar yang dihantar melalui e-mel oleh JustGO (noreply@justgo.my). Baucar yang telah luput tidak akan diterima. Oleh itu, sila tebus baucar anda sebelum tarikh luput yang dinyatakan.
18	**Bagaimanakah proses penebusan e-baucar PETRONAS?**	Pemenang akan menerima URL penebusan baucar melalui e-mel. Pemenang boleh menebus e-Baucar PETRONAS mengikut denominasi dan kuantiti pilihan mereka sehingga jumlah keseluruhan bernilai RM200. Beberapa baucar juga boleh ditebus dalam satu transaksi yang sama. Sila rujuk ilustrasi proses penebusan di bawah:

Langkah 1:
Buka pautan

Langkah 2:
Masukkan PIN anda

Langkah 3:
Pilih nilai dan kuantiti baucar yang diingini, kemudian klik "**Add To Cart**"



Langkah 4: Sebelum membuat pengesahan:
✓ Semak jumlah amaun ✓ Semak kuantiti baucar ✓ Semak baki yang masih tersedia ✓ Klik "**Confirm and Proceed**"



Langkah 5: e-Baucar PETRONAS Fuel anda sedia untuk digunakan
Anda boleh melihat baucar anda di:
Purchase History > Buka e-Baucar



Maklumat yang dipaparkan:
- Nilai e-Baucar
- Bilangan Baucar
- Tarikh Luput
- Kod Bar
- ID Pesanan

		Langkah 6: Gunakan e-Baucar PETRONAS Fuel anda di stesen PETRONAS Buka baucar anda di **Purchase History** > tunjukkan kod bar atau kod baucar kepada petugas di stesen PETRONAS semasa membuat pembayaran.
Soalan Lazim Keselamatan & Bantuan		
19	**Adakah Maybank akan meminta maklumat perbankan saya jika saya menang hadiah?**	Maybank tidak akan sekali-kali meminta sebarang butiran perbankan, termasuk nombor kad kredit, nombor kad debit, TAC, kata laluan, PIN atau OTP, daripada Peserta Yang Layak untuk tujuan pengesahan pemenang, pemberitahuan hadiah atau pemenuhan hadiah di bawah Kempen ini. Peserta Yang Layak dinasihatkan untuk berhati-hati dan mengabaikan sebarang komunikasi yang mencurigakan yang meminta maklumat tersebut.
20	**Siapa yang boleh saya hubungi sekiranya saya mempunyai pertanyaan atau menghadapi sebarang isu berkaitan Kempen ini?**	Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sekiranya anda memerlukan bantuan berkaitan JustGO, sila hubungi Khidmat Pelanggan JustGO di contact@justgo.com.my.

Lampiran (93 Plaza Tol PLUS yang Menyokong JustGO)

No	Negeri	Nama Plaza Tol
1	Kuala Lumpur	Sungai Besi
2	Putrajaya	Putrajaya
3	Selangor	Bukit Tagar
4	Selangor	Bukit Beruntung
5	Selangor	Rawang
6	Selangor	Sungai Buloh
7	Selangor	Rawang Selatan
8	Selangor	Hospital Sungai Buloh
9	Selangor	Sungai Buaya
10	Selangor	Kota Damansara
11	Selangor	Jalan Duta
12	Selangor	Damansara
13	Selangor	Subang
14	Selangor	Setia Alam
15	Selangor	Bukit Raja
16	Selangor	UPM
17	Selangor	Kajang
18	Selangor	Bangi
19	Selangor	Persimpangan Putra Mahkota
20	Selangor	Persimpangan Southville
21	Selangor	Shah Alam
22	Selangor	Ebor (N)
23	Selangor	Ebor (S)
24	Selangor	Seafield
25	Selangor	USJ
26	Selangor	Putra Height
27	Selangor	Bandar Saujana Putra
28	Selangor	Bandar Gamuda Cove
29	Selangor	KLIA
30	Selangor	Bandar Serenia

31	Perak	Ipoh (S)
32	Perak	Simpang Pulai
33	Perak	Gopeng
34	Perak	Tapah
35	Perak	Bidor
36	Perak	Sungkai
37	Perak	Persimpangan Slim River
38	Perak	Behrang
39	Perak	Tanjung Malim
40	Perak	Lembah Beringin
41	Perak	Alor Pongsu
42	Perak	Bukit Merah
43	Perak	Taiping Utara
44	Perak	Changkat Jering
45	Perak	Kuala Kangsar
46	Perak	Ipoh (U)
47	Pulau Pinang	Bertam
48	Pulau Pinang	Sungai Dua
49	Pulau Pinang	Juru
50	Pulau Pinang	Bukit Tambun (U)
51	Pulau Pinang	Bukit Tambun (S)
52	Pulau Pinang	Jawi
53	Pulau Pinang	Jambatan Pulau Pinang
54	Pulau Pinang	Kubang Semang
55	Pulau Pinang	Bandar Cassia*
56	Kedah	Jitra
57	Kedah	Hutan Kampung
58	Kedah	Alor Setar (U)
59	Kedah	Alor Setar (S)
60	Kedah	Pendang
61	Kedah	Gurun
62	Kedah	Sungai Petani (U)
63	Kedah	Sungai Petani (S)

64	Kedah	Bandar Baharu
65	Kedah	Lunas
66	Negeri Sembilan	Nilai
67	Negeri Sembilan	Bandar Ainsdale
68	Negeri Sembilan	Seremban
69	Negeri Sembilan	Port Dickson (U)
70	Negeri Sembilan	Port Dickson (S)
71	Negeri Sembilan	Senawang
72	Negeri Sembilan	Pedas Linggi
73	Negeri Sembilan	Mambau
74	Negeri Sembilan	Lukut
75	Melaka	Simpang Ampat
76	Melaka	Ayer Keroh
77	Melaka	Jasin
78	Johor	Tangkak
79	Johor	Pagoh
80	Johor	Bukit Gambir
81	Johor	Yong Peng (U)
82	Johor	Yong Peng (S)
83	Johor	Ayer Hitam
84	Johor	Machap
85	Johor	Simpang Rengam
86	Johor	Sedenak
87	Johor	Kulai
88	Johor	Skudai
89	Johor	Senai (U)
90	Johor	Kempas
91	Johor	Tanjung Kupang
92	Johor	Lima Kedai
93	Johor	Taman Perling